

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**SOALAN NO. 358**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar Orang Asli yang belajar/menuntut di peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA, IPTA dan di Luar Negara sehingga kini. Senaraikan juga jumlah peratusan keciran pelajar-pelajar Orang Asli ini.

**JAWAPAN : YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY**  
**MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dengan melaksanakan beberapa inisiatif tindakan ke arah memberi bantuan persekolahan kepada murid atau pelajar Orang Asli bagi meningkatkan kualiti hidup dengan pendidikan bermula dari persekolahan rendah sehingga ke peringkat Institut Pengajian Tinggi Dalam Negara mahupun Di Luar Negara. Di antara jenis bantuan persekolahan tersebut , iaitu :

- (a) Jumlah seramai 1,990 orang murid Orang Asli di peringkat Murid Orang Asli PraSekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Sistem Maklumat PraSekolah Kebangsaan (SMPK) KPM pada tahun 2019.

**NO. SOALAN : 358**

- (b) Murid Orang Tahun Satu sehingga Tahun Enam di Sekolah Kebangsaan seramai 26,126 orang melalui Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) KPM bagi tahun 2019.
- (c) Murid Orang Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Kebangsaan seramai 11,419 orang melalui Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) KPM bagi tahun 2019.
- (d) Sebanyak 74.65% enrolmen transisi Murid Orang Asli dari Tahun Enam ke Tingkatan Satu dan sebanyak 25.35% sahaja Murid Orang Asli yang tercicir pada tahun 2019. Maklumat ini adalah diperolehi melalui Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) KPM bagi tahun 2019.
- (e) Pelajar Orang Asli yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Dalam Negara ialah seramai 824 orang di IPT Awam (IPTA) / Universiti Awam (UA) dan 87 orang di IPT Swasta (IPTS) berdasarkan rekod penerima bantuan kewangan pendidikan IPT JAKOA SBGP JAKOA.
- (f) Pelajar Orang Asli yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Luar Negara kini ialah seramai 23 orang menurut rekod JAKOA.

Sekian, terima kasih.